

SULIT



Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2018/2019

Disember 2018/Januari 2019

HSM502 – Sejarah Politik Malaysia

Masa : 2 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** (3) muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA** (3) soalan, sekurang-kurangnya SATU (1) soalan bagi setiap Bahagian A dan B.

...2/-

SULIT

- 2 -

Bahagian A

1. "Ahli sejarah cenderung menyalahkan kelemahan dalaman sebagai punca perpecahan dan ketidakstabilan kerajaan-kerajaan Melayu Semenanjung. Namun pada hakikatnya, anasir-anasir asing dan campurtangan luar adalah punca utama yang mendorong kepada ketidakstabilan itu."

Berdasarkan perkembangan yang berlaku di sesetengah negeri Melayu pada penghujung kurun ke-19, bahaskan pernyataan tersebut.

[100 markah]

2. "Nasionalisme dalam pengertian yang sebenar tidak pernah wujud di Tanah Melayu sehingga menjelang pendudukan Jepun. Tentangan-tentangan awal masyarakat peribumi terhadap campurtangan asing sebelum 1941 lebih didorong oleh kepentingan diri dan sikap kepimpinan tradisional yang tidak mahu menerima perubahan." Bahaskan pernyataan tersebut.

[100 markah]

3. Bagi sesetengah ahli sejarah, Darurat 1948 yang didakwa diisyiharkan bagi menangani pemberontakan PKM sebenarnya merupakan satu bentuk 'perang kolonial' yang sengaja dirancang dan 'dikaburkan' bagi menghadapi ancaman pihak nasionalis yang dianggap lebih mencabar British. Nilaikan pandangan mereka.

[100 markah]

- 3 -

Bahagian B

4. "Walaupun sayap kiri wanita mula dibentuk oleh parti-parti politik di Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua, peranan wanita dalam politik secara umumnya amat terhad dan ditentukan oleh pemimpin-pemimpin lelaki dalam parti induk yang mereka sertai." (Lenore Manderson, 1980).

Bincangkan pernyataan ini dengan merujuk kepada penglibatan wanita dalam Angkatan Wanita Sedar (AWAS), 1945 hingga 1948.

[100 markah]

5. "British menganggap kerajaan Persekutuan Tanah Melayu di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman tidak mempunyai rancangan yang teliti dan tidak konsisten mengenai gagasan Malaysia walhal Malaysia yang dibentuk pada 16 September 1963 itu adalah bercirikan kehendak kerajaan Persekutuan Tanah Melayu sepenuhnya." Bahaskan pernyataan tersebut.

[100 markah]

6. "Golongan radikal Melayu merupakan agen perubahan bagi masyarakat. Mereka memperkenalkan corak perjuangan baharu, bentuk penentangan yang baharu dan wawasan politik yang baharu. Merekalah sebenarnya yang mencipta sejarah" (Syed Muhd Khairudin Aljunied, 2015). Sejauh manakah anda bersetuju dengan pernyataan tersebut?

[100 markah]

- oooOooo -